



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1958 > April > 26 > Page 4 > Kampong Jenderam



Kampong Jenderam

Berita Harian, 26 April 1958, Page 4

Share

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

Kampong Jenderam

Sa-hingga sekarang telah dua tahun Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan membincangkan tentang hendak menghidupkan kembali kampong Jenderam yang pada suatu masa dahulu sangat merbahaya dan terpaksa di-pindahkan pada masa tujuh tahun dahulu dibawah Undang2 Dharurat. Pehak2 yang berkuasa nampak-nya telah mereksa semua shor2 berkenaan persediaan2 hendak membangunkan kembali kampong Jenderam itu. Bekas pendudok-nya, kebanyakan-nya orang2 Melayu, telah di-beri jaminan ia-itu segala2nya sedang diuruskan untuk mempercepatkan agar mereka dapat kembali ka-kampong mereka itu.

Pada bulan October yang lalu Perdana Menteri telah memberi jaminan kepada suatu perwakilan ia-itu dia akan mengirim atau me-

ngnantar mereka kembali ka-rumah masing2 jika Jawatan kuasa Perang Negeri tidak mendatangkan sa-barang bantahan. Jawatan kuasa Perang Negeri itu tidak ada sa-barang bantahan. Beberapa minggu kemudian-nya Majlis Gerakan Dharurat mengambil keputusan hendak membenarkan orang2 kampung itu kembali ka-kampung mereka. Dan Kerajaan Selangor mengumumkan b a h a w a Kerajaan sedang membuat suatu ranchangan untok menempatkan mereka itu kembali. Sa-benar-nya pemulehan sa-mula kampung Jenderam itu telah di-beri "keutamaan yang istimewa." Sa-telah itu pula Setiausaha Negeri Selangor mengumum-

kan ia-itu semua ranchangan2 telah terlambat disebabkan "kesusahan2 teknikal yang tidak di-sangka2."

Kesusahan2 ini nampaknya bukan-lah begitu besar tentang teknikal sa-bagaimana kesusahan kewangan. Ranchangan pemulehan sa-mula ini ada-lah di-jangka akan memakan belanja sa-banyak \$2,000,000. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan yang sa-patut-nya menchari wang itu, ia-itu boleh jadi kerana kampung itu telah dipindahkan atas perintah2 mereka.

Ada-lah tidak patut orang2 kampung itu di-biarkan dengan terharap-harap saperti sekarang ini. Kerajaan2 Negeri dan Persekutuan ke-



uanya mempunyai tang-
gong jawab terhadap men-
chabut akar umbi kampung
tersebut. Orang2 kampung
itu telah di-simpan dalam
tahanan buat sementara, dan
kemudian-nya di-bebaskan
untuk menchari kehidupan
merek sendiri. Banyak di-
antara mereka itu tinggal
dengan saudara mara me-
reka dan yang lain2nya pula
sa-dapat2nya bertungkus
lumus berjuang untuk hidup.



Ada-kah satu perbuatan
yang betul mereka itu di-
teguh daripada hendak
kembali ka-rumah2 dan
tanah di-mana mereka telah
di-paksa meninggalkan-nya
pada masa tujuh tahun yang
lalu itu? Kampong2 “burok”
yang lain2 telah di-buka sa-
mula dengan segala ke-
gembiraan; kenapa tidak
boleh di-buka sa-mula
kampong Jenderam dengan
kurniaan yang berlimpah-
limpah?

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#)  [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2026 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31